

FAQ PELAKSANAAN UNIT PENTAULIAHAN DAN VERIFIKASI BERIKUTAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN

A. PENTAULIAHAN PROGRAM

Soalan 1:

Sekiranya tempoh tauliah program telah tamat pada mana-mana tarikh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), apa akan berlaku kepada program bertauliah?

Jawapan 1:

Program bertauliah tamat tempoh. Latihan tidak boleh terus dilaksanakan bagi pelatih sediaada kerana telah tamat tempoh tauliah. Pengambilan pelatih baharu juga tidak dibenarkan. Sekiranya PB telah kemukakan permohonan pembaharuan sebelum PKP dilaksana dan lawatan verifikasi telah dibuat, akan dimuktamadkan keputusan permohonan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal setelah PKP berakhir. Sekiranya belum kemuka permohonan, PB hendaklah kemuka permohonan penambahan program.

Soalan 2:

Adakah penghantaran dokumen permohonan pentaualihan melalui pos dibuka sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)?

Jawapan 2 :

Permohonan masih boleh dihantar melalui pos ke JPK. Namun, JPK hanya akan memproses semua permohonan setelah tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) berakhir. Pemohon dinasihatkan mengemukakan bayaran dalam bentuk Deraf Bank sahaja bagi memastikan sah lakunya belum tamat semasa proses dibuat di peringkat JPK.

Soalan 3 :

Adakah Permohonan untuk pembaharuan pentaualihan hendaklah dibuat kepada Ketua Pengarah sekurang-kurangnya tiga bulan, tetapi tidak lebih daripada enam bulan, sebelum tarikh tamat masih terpakai atau dikira termasuk tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)?

Jawapan 3:

Ya. Bagaimanapun sebarang ketetapan atau kelonggaran akan dimaklumkan kemudian (sekiranya berkenaan) oleh JPK.

Soalan 4 :

Bilakah lawatan verifikasi pentauliahan akan dilakukan bagi permohonan pentauliahan yang dikemukakan sebelum Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) berkuatkuasa?

Jawapan 4 :

Lawatan akan diaturkan setelah PKP tamat.

Soalan 5 :

Lawatan verifikasi pentauliahan yang telah diaturkan sebelum Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan tarikhnya dalam tempoh PKP(dilanjutkan), adalah akan diterus lawatan tersebut?

Jawapan 5 :

Secara automatik lawatan terbatal dan akan diaturkan semula setelah PKP berakhir.

Soalan 6 :

Bagi permohonan pentauliahan yang telah diproses dan lawatan verifikasi pentauliahan telah dilaksanakan sebelum Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bermula, bilakah pusat bertauliah akan mendapat keputusan / kelulusan permohonan pentauliahan tersebut?

Jawapan 6 :

Syor keputusan permohonan akan dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal sebaik sahaja PKP tamat.

Soalan 7 :

Adakah pusat bertauliah boleh mendapat keputusan kelulusan permohonan pembaharuan pentauliahan semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) sedang berjalan kerana tempoh tauliah tamat semasa PKP berkuatkuasa?

Jawapan 7 :

Tidak, kerana PKP sedang berkuatkuasa. Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal tidak boleh dilakukan sepanjang tempoh PKP untuk syor kelulusan pentauliahan.

Soalan 8 :

Adakah Pusat Bertauliah (PB) boleh membuat pengiklanan pengambilan pelatih baru memandangkan PB telah menghantar permohonan pembaharuan 3 bulan sebelum tarikh tamat pentauliahan tetapi tidak boleh diproses oleh JPK kerana Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) sedang berjalan?

Jawapan 8 :

PB tidak boleh membuat pengiklanan sehingga program tersebut telah ditauliahkan oleh JPK. PB juga tidak boleh membuat pengambilan pelatih dalam tempoh 3 bulan sebelum pentauliahan program tamat kerana tempoh pembaharuan pentauliahan program belum diluluskan.

B. VERIFIKASI PEGAWAI PENGESAH LUARAN

Soalan 1:

PB saya telah menjalankan program latihan melalui kaedah Sistem Latihan Program Bertauliah (SLaPB) bagi kumpulan pelatih tahap 3 yang bermula pada Januari 2020 dan akan tamat pada Disember 2020. Adakah tempoh latihan perlu ditambah memandangkan pelatih diberi cuti sepanjang tempoh PKP?

Jawapan 1:

Ya, Pihak tuan hendaklah menambahkan masa latihan mengikut bilangan hari atau jam dicutikan bagi memenuhi jam latihan program yang telah ditetapkan

Soalan 2 :

Adakah permohonan verifikasi PPL termasuk verifikasi ulang nilai dibenarkan semasa tempoh PKP?

Jawapan 2 :

Ya boleh. Bagaimanapun, tarikh verifikasi PPL dan verifikasi ulang nilai hendaklah selepas tempoh PKP tamat.

Soalan 3:

Jika Pusat Bertauliah mempunyai pelatih yang akan tamat latihan dalam tempoh PKP, adakah PB boleh membuat penangguhan penilaian dan apa yang PB harus lakukan?

Jawapan:

Ya, PB hendaklah membuat permohonan dengan memaklumkan penangguhan penilaian bagi pelatih yang terlibat kepada Jabatan.

Soalan 4 :

Jika tarikh verifikasi PPL berada dalam tempoh PKP, adakah tarikh baru ditentukan oleh PB atau JPK?

Jawapan:

Tarikh akan ditentukan oleh JPK dan dimaklumkan kepada pusat bertauliah.

Soalan 5 :

Berapakan tempoh minima permohonan verifikasi PPL dengan tarikh lawatan verifikasi yang dimohon, selepas tamat tempoh PKP?

Jawapan 5:

30 hari atau satu (1) bulan sepertimana prosedur biasa.

Soalan 6 :

Sekiranya pelatih ulang nilai hendak memohon ulang nilai PPL tetapi tarikh akhir ulang nilai tersebut jatuh dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) sedang berjalan, adakah masih dibenarkan pelatih tersebut melakukan ulang nilai setelah tamat PKP?

Jawapan 6:

Boleh dipertimbangkan oleh JPK sekiranya permohonan ulang nilai tersebut dilakukan sepanjang tempoh PKP. Penilaian ulang nilai akan dilakukan selepas tempoh PKP berakhir dan tarikh penilaian ulang nilai ditentukan oleh JPK.